

Serlahkan diri melalui bakat anda



BICARA KAMPUS

Oleh ZAITON MOHAMAD
zaitonmohamad@yahoo.com

UB 5-11-2014 B4

SETIAP manusia sudah tentu dianugerahkan Allah dengan pelbagai kebolehan. Namun ada juga yang tidak menyedari tentang kebolehan yang dimilikinya sehinggalah dalam keadaan terpaksa atau terdesak kebolehan tersebut baru ditonjolkan. Justeru itu sepatutnya setiap daripada kita harus menyedari dan menilai sejauhmana kebolehan bakat tersebut untuk ditonjolkan.

Oleh yang demikian penilaian diri harus dilakukan dalam memastikan bakat dan kebolehan yang dominan dibangkitkan kerana dengan cara tersebut sahaja bakat yang dianugerahkan Allah dapat disyukuri. Malah bakat juga boleh dikomersilkan seperti berbakat dalam bidang kesenian dan kebudayaan, bakat dalam bidang keusahawanan, berbakat dalam bidang pidato, berbakat dalam

bidang seni suara, berbakat dalam bidang penulisan, berbakat dalam bidang sukan dan sebagainya. Justeru itu sekiranya digilap dan diusahakan secara berterusan bakat tersebut boleh mendatangkan keuntungan kepada dirinya.

Mungkin sešetengah orang tidak bernasib baik untuk berjaya dengan cemerlang di dalam bidang akademik, namun sudah tentu mempunyai bakat yang lain. Lantaran itu asahlah bakat dengan sebaik mungkin kerana pada zaman yang moden memerlukan orang-orang yang berbakat untuk diketengahkan. Malah orang yang pandai melawak pun dikira berbakat kerana tidak semua orang boleh membuat lawak secara spontan bukan pula buat-buat lawak yang akhirnya menjadi lawak bodoh.

Dalam mengasah bakat tersebut ibu bapa perlu memberikan sokongan moral kepada anak-anak dengan cara menghantar anak-anak ke tempat-tempat latihan, membelikan peralatan yang dikehendaki untuk menarik minat supaya meneruskan latihan

mereka sama ada di rumah mahupun di tempat latihan. Selain daripada itu, ibu bapa juga perlulah menyediakan bahan bacaan seperti majalah, buku-buku dan lain-lain bacaan supaya mereka mendapat pendedahan lebih awal mengenai bakat yang dimilikinya.

Justeru adalah lebih mudah untuk mengasah bakat sekiranya ia diminati oleh anak-anak. Tambahan pula sekiranya anak-anak mempunyai idola yang diminati melalui bahan bacaan mahupun iklan-iklan di dalam televisyen, radio dan sebagainya. Dengan cara tersebut dapat menarik minat untuk lebih berusaha gigih dalam mengejar impiannya. Justeru itu anak-anak akan menjadi seorang yang mudah matang, berdisiplin dan boleh dilentur mengikut apa yang disasarkan.

Di samping itu peranan pihak sekolah juga melihat, meneliti dan memilih pelajar-pelajar yang berbakat untuk diketengahkan supaya mereka boleh bersaing sesama rakan-rakan di sekolah yang sama mahupun di peringkat jajahan, kebangsaan dan sebagainya. Dengan pemilihan

pelajar yang berbakat dalam pelbagai bidang dapat mengurangkan risiko pelajar-pelajar yang bermasalah. Ini disebabkan apabila pihak sekolah memilih mereka sebagai orang yang layak mengetengahkan bakat secara tidak langsung akan ada interaksi yang lebih erat antara guru, pihak sekolah dan juga pelajar serta kedua ibu bapa.

Dengan cara tersebut akan timbul perasaan saling perlu memerlukan antara satu sama lain dan adalah mustahil pelajar-pelajar yang di bawah pengawasan guru, menjalani latihan di luar waktu sesi persekolahan akan terlibat dengan gejala sosial. Lantaran itu akan memudahkan pihak pengurusan sekolah mentadbir urus para pelajar dan mengurangkan masalah disiplin dalam kalangan pelajar itu sendiri.

Bakat-bakat tersebut yang sudah digilap, diasuh semenjak sekolah akan dapat diteruskan apabila memasuki alam universiti. Adalah merugikan sekiranya bakat tersebut terus dipendam dan tidak ditonjolkan kepada masyarakat. Pada peringkat

universiti peranan bakat amat penting kerana dengan memiliki bakat dalam bidang kesukanan, tarian, pidato dan sebagainya akan mengangkat kepopulartian sama ada untuk menjadi seorang pemimpin pelajar, kelab, persatuan dan sebagainya. Pada peringkat di institusi pengajian tinggi juga dengan bakat yang dimiliki akan memberikan peluang yang cerah untuk membuat persembahan di peringkat institusi pengajian tinggi mahupun di luar negara.

Oleh yang demikian usahlah malu untuk menonjolkan bakat anda walaupun di mana saja anda berada. Jangan pula cuba meraihkan populariti murahan dengan menonjolkan kegedikan anda sebaliknya tonjolkan bakat yang lebih bermanfaat untuk diri, keluarga, masyarakat dan juga negara. Dengan cara tersebut sahaja dapat meningkatkan kredibiliti anda sebagai warga Malaysia yang berdaulat.

** Penulis adalah Pegawai Psikologi, Bahagian Kaunseling dan Bimbingan Kerjaya, HEP, UMS*